

Disediakan untuk: &lt;Nama Orang Yang Dilindungi&gt;

**DOKUMEN KETERANGAN PRODUK: Sun Cover-i - Ini adalah produk takaful**

(Sila baca Dokumen Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai dalam Pelan SUN COVER-i. Sila pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat am.)

**1. Apakah ciri-ciri produk ini?**

Sun Cover-i adalah pelan takaful keluarga tempoh berkelompok pembaharuan bulanan dengan perkongsian berlebihan yang menawarkan perlindungan takaful bagi orang yang dilindungi sehingga umur 50 tahun. Ia menawarkan bayaran manfaat secara sekali gus sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) ke atas orang yang dilindungi akibat segala sebab.

**2. Apakah prinsip-prinsip Syariah yang dikenakan?**

- Prinsip tabarru' (sumbangan sukarela) - Persetujuan antara pemilik-pemilik sijil dana takaful untuk menyediakan bantuan kewangan bersama.
- Prinsip wakalah (perlantikan ejen/wakil) - Persetujuan antara pengendali takaful ("Sun Life Malaysia Takaful Berhad") dan pemilik-pemilik sijil dalam menguruskan dana-dana takaful.

**3. Apakah perlindungan-perindungan/manfaat-manfaat yang disediakan?**

Pelan ini melindungi:

| Manfaat-manfaat                                  | Jumlah yang dilindungi |
|--------------------------------------------------|------------------------|
| Kematian/Hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) | RM60,000               |

Tempoh sijil bagi pelan ini akan berterusan sehingga umur 50 tahun. Walau bagaimanapun, pembaharuan ini adalah tertakluk pada syarat-syarat yang dinyatakan dalam dokumen kontrak induk. Anda boleh memuat turun dokumen kontrak induk dan melihat maklumat lanjut dan terma-terma dan syarat-syarat di bawah pelan ini di [www.sunlifemalaysia.com](http://www.sunlifemalaysia.com).

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/kontrak yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi Sun Life Malaysia Takaful Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

**4. Berapakah sumbangan yang harus saya bayar?**

Sumbangan bulanan yang harus anda bayar adalah RM15.00. Tempoh bayaran sumbangan pelan ini akan berterusan sehingga umur 50 tahun.

Sumbangan yang harus anda bayar adalah tidak terjamin dan mungkin diubah, seperti yang dijelaskan di bawah soalan 6 "Sumbangan yang tidak dijamin".

**5. Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang harus saya bayar?**

| Jenis                                                           | Amaun                                                                          |
|-----------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------|
| • Yuran Wakalah (terdiri daripada komisen dan yuran pengendali) | 50% daripada sumbangan                                                         |
| • Komisen                                                       | 10% daripada sumbangan yang telah dibayar dari Yuran Wakalah                   |
| • Perkongsian kami dalam lebihan dana tabarru' peserta          | 50% daripada lebihan yang diisytiharkan, ditentukan pada setiap tahun kewangan |

**6. Apakah antara terma-terma dan syarat-syarat penting yang harus saya ketahui?**

- **Kepentingan pendedahan** - anda mesti mendedahkan kesemua fakta-fakta penting dengan betul seperti umur atau tarikh lahir dan maklumat lain yang dikehendaki semasa pendaftaran. Jika sijil adalah sepenuhnya untuk tujuan peribadi, anda mesti mengambil langkah yang munasabah untuk mendedahkan sebarang fakta yang anda tahu yang berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar (jika ada) dan terma (jika ada) yang hendak dipakai dan tidak mengelirukan kami. Sekiranya dibuktikan bahawa terdapat penindasan fakta penting dan ia telah dibuat atau ditinggalkan salah, hanya remedi di bawah Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan dikenakan. Kewajipan pendedahan berterusan adalah tanggungjawab anda sehingga sijil tersebut dikeluarkan, diubah atau diperbaharui.
- **Tempoh semakan percuma** - anda boleh membatalkan perlindungan takaful anda dalam tempoh 15 hari dari penghantaran sijil takaful yang pertama dengan memberi notis bertulis kepada kami. Kami akan mengembalikan sumbangan penuh yang telah anda bayar.
- **Had ke atas manfaat TPD** - jumlah maksimum agregat manfaat TPD yang akan dibayar ke atas orang yang dilindungi di bawah sijil ini dan semua polisi atau sijil individu dan berkelompok dengan kami adalah terhad kepada RM2,000,000.
- **Sumbangan yang tidak dijamin** - sumbangan adalah tidak dijamin dan mungkin akan disemak semula dari semasa ke semasa. Sekurang-kurangnya 14 hari notis bertulis sebelum ulang tahun bulanan e-sijil akan diberikan sebelum melaksanakan sumbangan yang telah disemak semula. Akibat daripada sebarang perubahan sumbangan, amaun yuran wakalah, tabarru' dan komisen akan berubah dengan sewajarnya.
- **Tempoh tenggang, tempoh menunggu dan pengecualian-pengecualian** - tidak berkenaan.

- **Tiada sumbangan bayaran dan tempoh tiada perlindungan** - Sekiranya anda tidak membayar sumbangan sebelum tarikh perlindungan bermula berikutnya, tiada perlindungan takaful akan diberikan dan tiada manfaat-manfaat takaful akan dibayar. Tempoh maksimum sehingga 6 bulan diberikan untuk mengaktifkan semula perlindungan takaful dari tarikh perlindungan tamat seperti yang ditunjukkan di dalam e-sijil yang terkini. Sejurus selepas 6 bulan berturut-turut tanpa sumbangan bayaran, sijil takaful akan luput.
- **Cukai** - semua cukai, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang cukai barangan dan perkhidmatan, dan/atau lain-lain bentuk cukai jualan atau kepenggunaan, sama ada yang berkuatkuasa pada masa ini atau dilaksanakan selepas tarikh sijil takaful/e-sijil akan dikenakan mengikut undang-undang yang berkenaan pada kadar semasa. Jika perlu, kami akan meminda terma-terma sijil untuk mengambil kira cukai-cukai sedemikian.
- **Penama** - anda dikehendaki menamakan seseorang penama dan memastikan penama anda menyedari tentang pelan takaful yang anda sertai.
- **Proses tuntutan** - anda boleh memuat turun borang tuntutan dan melihat proses tuntutan di [www.sunlifemalaysia.com](http://www.sunlifemalaysia.com).

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak induk untuk senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat di bawah pelan ini.

**7. Bolehkah saya menyerahkan sijil saya?**

Menyertai pelan takaful keluarga adalah komitmen kewangan jangka panjang. Anda boleh menyerahkan perlindungan takaful anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Tarikh berkuatkuasa penyerahan adalah pada tarikh perlindungan tamat mengikut tempoh perlindungan dan tiada nilai tunai atau pro-rata sumbangan akan dibayar apabila diserahkan.

**8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan ke atas butiran hubungan saya?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan butiran hubungan anda untuk memastikan semua urusan komunikasi dapat disampaikan kepada anda dalam masa yang sepatutnya.

**9. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai takaful keluarga, sila rujuk kepada buku kecil *insuranceinfo* mengenai 'Takaful Keluarga', yang terdapat di Sun Life Malaysia atau anda boleh mendapatkan salinan daripada wakil kami yang dibenarkan di CIMB Bank atau CIMB Islamic Bank. Untuk maklumat lanjut tentang prosedur tuntutan, sila melayari laman web Sun Life Malaysia di <https://www.sunlifemalaysia.com/client-care/make-a-claim>.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**Sun Life Malaysia Takaful Berhad**

Nombor Pendaftaran: 200501012215 (689263-M)

Aras 11, 338 Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur

Atau, anda boleh menghubungi talian **Khidmat Pelanggan Careline di 1300-88-5055**, kemukakan pertanyaan secara online melalui [sunlifemalaysia.com](http://sunlifemalaysia.com), emel terus kepada kami di [wecare@sunlifemalaysia.com](mailto:wecare@sunlifemalaysia.com), atau faks kepada kami di **(603) 2698 7035**.

**Pengedar dan Alamat:**

CIMB Islamic Bank Berhad 200401032872

CIMB Bank Berhad 197201001799

17th Floor Menara CIMB,  
No 1 Jalan Stesen Sentral 2,  
Kuala Lumpur Sentral,  
50470 Kuala Lumpur.

**10. Jenis pelan lain yang serupa yang sedia ada.**

Sila hubungi wakil kami yang dibenarkan di Bank untuk jenis pelan lain yang serupa yang sedia ada.

**NOTA PENTING:**

**MENYERTAI PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTI MEMILIH JENIS PELAN YANG MEMENUHI KEPERLUAN PERIBADI ANDA DENGAN SEBAIKNYA. ANDA SEHARUSNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI DOKUMEN KONTRAK TAKAFUL DAN MEMBINCANG DENGAN WAKIL KAMI YANG DIBENARKAN ATAU TERUS MENGHUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat yang disediakan di dalam Dokumen Keterangan Produk ini adalah sah pada **<dd/mm/yyyy>**. Pelan ini diuruskan oleh Sun Life Malaysia Takaful Berhad <Nombor Pendaftaran: 200501012215 (689263-M)>, pengendali takaful yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia dan berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Sun Life Malaysia Takaful Berhad adalah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, sesetengah manfaat yang dilindungi di bawah kontrak-kontrak/sijil-sijil takaful yang ditawarkan oleh Sun Life Malaysia Takaful Berhad adalah dilindungi oleh PIDM untuk kehilangan sebahagian atau keseluruhan manfaat-manfaat takaful tersebut, sekiranya berlaku kegagalan ahli pengendali takaful. Untuk maklumat lanjut berkenaan had perlindungan dan skop perlindungan, sila layari web PIDM (<https://www.pidm.gov.my>) atau hubungi talian bebas tol PIDM di 1-800-88-1266.